

27 APR 2003

Syed Hamid-Economist/I

MENTERI SETUJU LARANGAN EDARAN MAJALAH TIDAK BERTANGGUNGJAWAB

KUALA LUMPUR, 27 April (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini berkata, beliau tidak melihat alasan mengapa perlu membenarkan edaran mana-mana terbitan antarabangsa yang memperkecilkan negara ini.

Beliau berkata kerajaan tidak membantah jika rencana itu mengandungi kritikan membina tetapi tidak akan berdiam jika mereka memperkecilkan kewibawaan kepimpinan negara dan memandang remeh keupayaan Malaysia.

"Saya fikir kita kena ambil tindakan bersungguh-sungguh mengenainya," kata Syed Hamid merujuk kepada satu rencana di majalah 'The Economist' yang memperkecilkan Malaysia dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam edisi 5 April majalah itu.

"Buat apa kita nak menggalakkan majalah macam ini untuk dijual dalam negara kita," katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan mesyuarat Bahagian Umno Kepong di sini.

Syed Hamid juga berkata pihak berkuasa terbabit harus lebih cermat dalam menapis terbitan-terbitan asing sebelum membenarkan ia diedarkan di sini walaupun tidak banyak yang boleh dilakukan daripada segi pengedarannya di peringkat antarabangsa.

Kerajaan tidak berhasrat untuk mengekang kebebasan akhbar, bagaimanapun itu tidak bermakna ia tiket untuk berbuat apa sahaja yang disukai, katanya.

"Apa yang saya rasa kita mahu ialah mereka mesti adil, mesti ada liputan yang seimbang," katanya.

Sebelum itu, dalam ucapannya, Syed Hamid menyeru anggota Umno untuk berusaha gigih bagi parti dan masyarakat di sebalik mengharapkan "ganjaran" untuk jatuh dari langit.

-- BERNAMA

MAM KHY PR